

24 JUL 1999

Mahathir-Ekonomi

KERAJAAN PASTIKAN NEGARA CAPAI TARAF MAJU MENJELANG 2020

Oleh: E. Sivabalan

LANGKAWI, 24 Julai (Bernama) -- Kerajaan komited untuk menaikkan taraf kemudahan prasarana dan perkhidmatan yang akan membantu menambahkan keupayaan eksport dan sekaligus mendorong pengurangan kos import, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata inflasi akan juga dibendung manakala daya produktiviti dan standard yang lebih tinggi akan menjadikan negara satu tempat yang lebih baik untuk didiami.

Beliau berkata sepanjang tahun lalu, kerajaan telah berusaha untuk memastikan bahawa semua rancangan dan strategi bagi mencapai matlamat jangka panjang Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 tidak tergelincir daripada landasan ataupun terganggu dengan begitu serius.

"Saya ingin menekankan bahawa kelembapan ekonomi sekarang tidak seharusnya menghalang pertumbuhan jangka panjang kita," kata Perdana Menteri dalam perutusan tahunan Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) 1999 yang dikeluarkan sehari menjelang Dialog Antarabangsa Langkawai (LID) '99 di sini, hari ini.

Dr Mahathir, yang merupakan penaung MIGHT, berkata: "Ketidaktentuan ekonomi yang kita hadapi sekarang, dan mungkin hadapi sekali lagi, memerlukan reformasi segera pada peringkat negara dan antarabangsa."

Dr Mahathir berkata walaupun isu-isu dan dasar ekonomi yang lebih luas sedang diteliti oleh masyarakat kewangan antarabangsa, Malaysia mesti meneruskan agendanya sendiri.

Beliau berkata apabila Malaysia mengenalpasti pengaliran wang spekulasi jangka pendek sebagai satu daripada sebab krisis kewangan yang menggoncang rantau ini pada pertengahan 1997, banyak tuduhan telah dilemparkan kepada Malaysia yang dianggap sebagai tidak realistik dan bersikap memencilkan diri oleh sebahagian besar masyarakat kewangan antarabangsa.

"Hampir dua tahun berlalu, banyak pihak yang sedar kebijaksanaan pendirian Malaysia, dan pemimpin-pemimpin dunia serta badan-badan kewangan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa telah bersetuju bahawa perlu ada perubahan dalam struktur kewangan antarabangsa," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Pelan Pemulihan Ekonomi (PPEN) telah memainkan peranan yang penting dalam merangsang semula ekonomi Malaysia.

"PPEN telah memberi tumpuan dan pelan tindakan yang diperlukan bagi meletakkan Malaysia pada kedudukan yang teguh untuk menuju ke arah pemulihan," katanya.

Menurutnya kegiatan pertumbuhan-pertumbuhan seperti MIGHT akan banyak membantu melengkapkan dasar-dasar dan langkah-langkah kerajaan melalui penggunaan teknologi yang meluas dan pemupukan kecekapan bagi membolehkan negara ini mencapai pemulihan ekonomi yang mapan dan lebih cepat lagi.

"MIGHT kini mengadapai cabaran yang lebih besar dalam meneroka kemunculan teknologi baru bagi menyokong peralihan Malaysia kepada ekonomi berasaskan pengetahuan," kata beliau.

-- BERNAMA

ES KY MA NAK